

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR  
JABATAN SENIBINA DALAMAN**

**OKTOBER 2009**

Adalah disyorkan bahawa Laporan Projek Penyelidikan ini yang disediakan

Oleh

**NAZURAH ALHANA BINTI MUSTAPHA KAMAL**

bertajuk

**LAPORAN KAJIAN AKHIR  
CADANGAN MEREKABENTUK RUANG DALAMAN KAFE KOPI 434  
DI 1-A & 2-A MUKIM JALAN BAKRI, 84000 MUAR, JOHOR**

diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada dari syarat untuk memperolehi Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia Laporan : \_\_\_\_\_ Pn Ramlah Binti Alwi  
Koordinator Kursus : \_\_\_\_\_ En Suhaimi Bin Musa  
Koordinator Program : \_\_\_\_\_ Prof. Madya Dr. Mohd Sabriza Bin Abdul Rashid

## **ABSTRAK**

Projek akhir untuk para pelajar Diploma Rekabentuk Dalaman merupakan manifestasi terhadap kefahaman pelajar tentang seluruh aspek projek rekabentuk dalaman yang telah dipelajari dari peringkat asas hingga ke peringkat persembahan cadangan rekabentuk. Projek yang telah dipilih bagi projek akhir ini ialah merekabentuk hiasan dalaman kafe Kopi 434 yang beralamat No 1-A & 2-A Mukim Jalan Bakri, Muar. Projek ini diharapkan dapat menaikkan taraf lagi imej Kopi 434 dan memperkembangkan lagi perniagaan mereka. Tema dan konsep juga diaplikasikan dalam kedua – dua ruang '*exterior & interior*' untuk menonjolkan lagi nilai estetika dan stail rekabentuk yang dipilih untuk kafe Kopi 434 yang membawa mengikut piawai skema rekabentuk dan kod yang telah ditetapkan. Beberapa penyelidikan telah dijalankan bagi menjayakan projek akhir ruang pameran ini, antaranya termasuklah kajian pemilihan tapak, kajian temuramah, kajian pemerhatian, kajian kes dan kajian soal selidik. Kesemua kajian bertujuan mengenal pasti kelemahan yang ada dan juga cuba untuk mengatasi beberapa masalah yang timbul. Kajian-kajian yang telah dijalankan ini akan diterapkan di dalam proses reka bentuk, dengan tujuan mendapatkan satu reka bentuk yang menarik dan sesuai dengan imej koprat Kopi 434 samada dari segi fungsi dan nilai estetikanya. Antara kaedah kajian ialah melalui temuramah, media cetak, internet, pemerhatian, pengalaman dan juga hasil daripada kajian kes samada dari dalam atau luar negara.

## **PENGHARGAAN**

Bismillahirrahmanirahim

Assalamualaikum w.b.t

Alhamdulillah syukur ke hadrat Illahi kerana dengan rahmat dan limpah kurniaNya, saya telah berjaya menyiapkan laporan projek akhir ini dalam tempoh yang telah ditetapkan. Ribuan terima kasih diucapkan kepada Pn. Ramlah Binti Alwi sebagai penyelia laporan projek akhir ini yang telah banyak membantu serta memberikan cadangan yang bernas dalam usaha untuk menyempurnakan laporan ini. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada En. Suhaimi b. Musa selaku Koordinator Kursus yang telah memberikan tunjuk ajar dalam cara-cara yang berkesan untuk menulis laporan ini mengikut format yang betul.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Sai Kee Coffee selaku klien saya yang telah memberikan pengetahuan tentang Kopi 434. Tidak lupa juga kepada beberapa pihak yang lain sama ada yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dan tidak pernah jemu memberikan kerjasama dan memberi bantuan maklumat dalam menjayakan laporan projek akhir ini. Turut terlibat dalam menjayakan laporan projek akhir ini iaitu kedua-kedua ibu bapa saya yang banyak memberikan dorongan dari segi mental dan fizikal dan juga bantuan kewangan serta mendoakan saya. Sekalung penghargaan diucapkan kepada kakitangan UiTM Perak terutamanya para pensyarah dan khususnya rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak memberi inspirasi serta idea-idea bernas dalam proses menyiapkan laporan ini. Dengan itu semua jasa dan pengorbanan yang telah diberikan amatlah dihargai dan tidak mungkin dilupai.

## ISI KANDUNGAN

## MUKA SURAT

|                        |      |
|------------------------|------|
| Abstrak                | i    |
| Penghargaan            | ii   |
| Isi Kandungan          | iii  |
| Senarai Jadual         | vi   |
| Senarai Diagram        | vi   |
| Senarai Rajah          | vii  |
| Senarai Foto           | viii |
| Senarai Lampiran       |      |
| Senarai Singkatan Kata |      |

## KANDUNGAN

|                                  |          |
|----------------------------------|----------|
| <b>BAB 1.0 PENDAHULUAN</b> ..... | <b>1</b> |
| 1.1 PENGENALAN .....             | 1        |
| 1.2 MATLAMAT KAJIAN .....        | 4        |
| 1.3 OBJEKTIF KAJIAN .....        | 4        |
| 1.4 METODOLOGI KAJIAN .....      | 5        |
| 1.5 SKOP KAJIAN .....            | 6        |
| 1.6 HALANGAN KAJIAN .....        | 8        |
| 1.7 KEPENTINGAN KAJIAN .....     | 9        |

## **BAB 1.0 PENDAHULUAN**

### **1.1 PENGENALAN**

Projek merekabentuk sebuah kafe bagi produk Kopi 434 telah dipilih sebagai projek akhir pogram Diploma Senibina Rekabentuk Dalaman, Universiti Teknologi MARA. Kursus ini merupakan latihan yang komprehensif tentang seni rekabentuk dalaman, di mana pada tahap ini pelajar dikehendaki menyediakan satu skim reka bentuk yang komprehensif berdasarkan kajian dan pemerhatian yang sensitif terhadap sesuatu isu ataupun permasalahan seni rekabentuk dalaman yang wujud di dalam proses merekabentuk. Idea untuk merekabentuk kafe ini timbul kerana tidak ramai yang tahu tentang produk Kopi 434.

#### **1.1.1 Definisi**

Kafe adalah salah satu tempat yang menyediakan makanan segera dan ringkas. Ia juga boleh di rujuk sebagai bistro atau kemudahan restoran di hotel kerana kafe mempunyai sedikit kriteria seperti bar dan restoran tetapi ia berbeza dengan kafeteria. Kafe di Malaysia biasanya menyediakan menu yang mudah, ringkas dan cepat di hidangkan seperti telur, roti dan kaya. Dari pandangan sesetengah tempat, kafe adalah satu pusat untuk perjumpaan, bersembang, dan melakukan lain-lain aktiviti.

Kopi adalah minuman yang disedia daripada benih panggang, biasanya dipanggil biji kopi, bagi tumbuhan kopi. Disebabkan kandungan kafeinnya, kopi mempunyai kesan perangsang pada manusia. Hari ini, kopi adalah satu daripada minuman paling disukai itu di seluruh dunia. Kopi turut mengikat tali silaturahim dalam hubungan kekeluargaan atau kawan-kawan. Kopi juga